

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

1. Budaya suka berhutang sebegini amat ditegah oleh Islam kerana umatnya menjalani kehidupan secara wasatiyyah atau bersederhana dan mengutamakan sikap qana'ah.

2. Berhutang memberi kesan yang buruk kepada diri dan ahli keluarga.

3. Rasulullah SAW sering berdoa kepada Allah SWT agar dijauhkan daripada tabiat berhutang seperti berikut:

"Ya Allah, aku mohon perlindunganMu daripada perasaan sedih dan gelisah, aku mohon perlindunganMu daripada kelemahan dan kemalasan, aku mohon perlindunganMu dari sifat pengecut dan kedekut, dan aku mohon perlindunganMu daripada cengkaman hutang dan penindasan orang"

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

Al-'Ariyah Al-Qard

- | | |
|---|--|
| - Pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barang atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam. | - Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barang atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan. |
|---|--|

DEFINISI AL-QARD

◆ Dari segi bahasa :

- Al-qat'u (potong).

◆ Dari segi istilah :

- Merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

◆ Sebarang tambahan terhadap barang atau wang yang diberi pinjam adalah dianggap sebagai **riba** atau **lebihan**.

◆ **Al-Qard** dikategorikan sebagai akad *tabarru'* iaitu kontrak yang berteraskan kepada **konsep kebaikan**.

DALIL LARANGAN RIBA

◆ Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275:

DALIL LARANGAN RIBA (cont)

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَهُوُمُ الَّذِي يَتَخَيَّلُهُ الشَّيْءَ طَعَانٌ إِنَّ الْمُسْرِفَ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَاتُلُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَخْلَلَ اللَّهُ الْبُيُوضَ وَحَرَمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِدَةً مِنْ رَبِّهِ فَأَنْهَى فَلَمْ يَكُنْ مَا سَلَفَ أَوْ أَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ قَاتُلَهُ أَصْحَابُ الظَّارِفَهُ فِيهَا حَالَدُونَ

"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya bermiaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharankan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhanya lalu is berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."



By Azmi Hakim (Azmi Hakim)
cheatography.com/azmi-hakim/

Published 23rd June, 2020.

Last updated 23rd June, 2020.

Page 1 of 2.

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>

PRINSIP DAN HUKUM AI-QARD AL-HASAN

- ♦ *Al-qard al-hasan* bermaksud **pinjaman yang baik**.
- ♦ Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja *tanpa dikenakan faedah*.
- ♦ Hukum pelaksanaan qard hasan adalah **sunat**.

RUKUN AL-QARD

- | | |
|-------------------------|-------------------------|
| 1. Pembiutang | 3. Barang yang dipinjam |
| 2. Penghutang/p-eminjam | 4. Sighah |

OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASSAN

- ♦ Membantu golongan yang memerlukan.
- ♦ Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
- ♦ Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya.
- ♦ Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat.
- ♦ Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

AL-QARD AL-HASAN PENJANA SOSIO EKONOMI UMMAH

- ♦ Amanah Ikhtiar Malaysia.
- ♦ Skim pajak gadai Islam atau Al-Rahnu.
- ♦ Skim pinjaman kewangan dan pembiayaan untuk menunaikan haji dan umrah.

PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

- ♦ Setiap hutang hendaklah ditulis bagi merekod pembayaran yang dibuat dan mengelakkan penipuan.
- ♦ Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan.
- ♦ Kepentingan menyelesaikan semua hutang turut disyaratkan dalam perwarisan.
- ♦ Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh tertentu.

BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN

Institusi zakat

- Fungsi institusi zakat bagi mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat iaitu golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik.

GEJALA CETI HARAM

- ♦ Kegiatan ceti haram atau ah long ialah bertentangan dengan ajaran Islam mengandungi unsur riba dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah serta tidak telus struktur pinjaman dan pembayaran balik.
- ♦ Dikaitkan dengan keganasan seperti ugutan, pembunuhan, tindakan mencenderakan dan sebagainya.



By **Azmi Hakim** (Azmi Hakim)
cheatography.com/azmi-hakim/

Published 23rd June, 2020.

Last updated 23rd June, 2020.

Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
<https://readable.com>